

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan menyertai tender pada masa ini seperti berikut:-

Bil	Tajuk	Rujukan	Kelayakan Petender	Harga Dokumen	Tarikh Dan Masa Tender Dibuka, Taklimat Dan Ditutup
1.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Dan Penyelenggaraan Landskap Di Kuala Lumpur Sports City (KLSC) Selama Dua (2) Tahun	PSM/ UP/T/2025/2	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan 221001 Pembersihan Bangunan dan Pejabat dan 221002 Membersih Kawasan Sijil Akuan Bumiputera (Sekiranya Ada)	RM 300.00	Tarikh Iklan Tender: 10 November 2025 (Isnin) Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak: 12 November 2025 (Rabu) Jam 10.00 pagi Lokasi Taklimat dan Lawatan Tapak : Bilik Media, Aras 2, Stadium Nasional, KLSC Tarikh Tender Ditutup: 3 Disember 2025 (Rabu) Jam 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Unit Perolehan, Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula **10 November 2025 (Isnin)**.
2. Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan. Untuk maksud ini, **hanya penama di dalam Sijil Kementerian Kewangan (MOF)** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan

lawatan tapak berkenaan. **Wakil tidak dibenarkan.** Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal MOF / Sijil Yang Dimuat Turun dari Sistem eP dan Salinan hendaklah dibawa semasa sesi taklimat dan lawatan tapak berserta cop syarikat.

3. Dokumen Tender boleh dibeli pada waktu pejabat bermula pada **12 November 2025 (Rabu)** di **Unit Perolehan, Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur**. Bagi tujuan pengesahan untuk pembelian, Senarai Kehadiran Lawatan Tapak akan dirujuk.
4. **Bagi tujuan pembelian dan penyerahan dokumen tender, hanya satu (1) orang sahaja sama ada pemilik / wakil yang dibenarkan untuk satu (1) tender yang dikeluarkan oleh Perbadanan.**
5. Dokumen tender yang berharga **RM 300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja)** hendaklah dibuat pembayarannya dalam bentuk Bank Deraf dari bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atas nama **Perbadanan Stadium Malaysia**. Bayaran tidak akan dikembalikan.
6. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat besar yang berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** tidak lewat pada **jam 12.00 tengah hari pada 3 Disember 2025 (Rabu)**. Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
8. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
9. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini.
10. Petender yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

Fitri Ani Kulai
(fit3@stadium.gov.my)

03-89920888

Dokumentasi

Kareen Armada Jerukan
(kareen@stadium.gov.my)

03-89920850